

Oleh Syarifzuan Abdul Rashid  
bh09dth.com.my

Wanita ini mempunyai sebab tersendiri untuk tersenyum lebar. Masalah tidak, selepas berdepan dengan beberapa cabaran dan salah anggap, akhirnya projek Ikal Mayong yang diusahakannya bersama beberapa pihak semakin mendapat maklum balas positif. Lebih menarik, projek usaha sama antara Garang Pictures dengan Big Eyes Entertainment itu bakal kembali untuk tahun ketiga, tidak lama lagi, selepas ia diperkenalkan buat julung kali pada tahun 2013.



"Saya sendiri teruja melihat hasil kerja beliau dan jalan cerita yang ditampilkan. Anda perlu tonton sendiri untuk mengetahuinya"

Low Ngai Yuen,  
Penerbit Eksekutif  
Garang Pictures

# KJ arah filem pendek

» Menteri Belia dan Sukan terbabit dalam projek Ikal Mayang musim baharu

Ketika HIP bertemu dengan orang kuat Ikal Mayong yang juga Penerbit Eksekutif Garang Pictures, Low Ngai Yuen, baru-baru ini, beliau tidak lokek untuk berkongsi cerita mengenai projek terbabit untuk tahun ini.

"Ya kami akan kembali lagi dengan tema baharu dan lebih ramai pengarah akan ditampilkan pada musim terbaharu ini.

"Ikal Mayong juga akan menampilkan kelainan pada kali ini," katanya tersenyum lebar kala diminta berkongsi mengenai projek itu.

### Pilih tema serupa

Bercerita lanjut, beliau berkata, Ikal Mayong sebuah projek cereka pendek yang diperkenalkan dengan mesej utama berkisar isu mengenai wanita, memilih tema serupa pada tahun ini.

Ngai Yuen berkata, tema berkenaan dipilih sebagai usaha untuk menyampaikan mesej kepada manusia tanpa mengira jantina.

"Kita tidak mahu bercakap mengenai perkara yang membezakan jantina, sebaliknya menghargai antara satu sama lain," katanya.

Beliau berkata, lebih menarik lagi, selepas edisi dua tahun sebelum ini hanya membabitkan pengarah wanita, Ikal Mayong bagi tahun 2015 boat julung kalinya akan menampilkan pengarah lelaki, yang bercerita mengenai wanita dalam naskhah arahan mereka.

"Kita mahu lihat kisah wanita daripada kaca mata mereka dan kita sudah mengenal pasti beberapa pengarah yang bersetuju serta sudah pun menghantar karya mereka kepada kita," katanya.

### Afflin turut sumbang tenaga

Menurut wanita ini, antara dua nama besar yang bakal terbabit dalam projek Ikal Mayong kali ini ialah Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin (KJ) dan pengarah terkenal, Afflin Shauki.

Selain mereka, selebriti seperti Lisa Surihani dan Adibah Noor juga menghasilkan karya mereka sendiri untuk dipertontonkan kepada khalayak pada tahun ini.

Mengulas mengenai naskhah hasil arahan KJ, beliau berkata,

ahli politik yang mesra di laman sosial itu ternyata berbakat besar dan mampu menghasilkan cereka yang menarik.

"Saya sendiri teruja melihat hasil kerja beliau dan jalan cerita yang ditampilkan. Anda perlu tonton sendiri untuk mengetahuinya," katanya.

Beliau juga mengaku kini boleh menarik nafas lega apabila semakin ramai pihak menerima baik projek berkenaan dan bersama-sama tampil untuk menjayakannya.

"Projek ini akan bermula Jumaat ini dan anda bakal saksikan karya yang hebat daripada semua pengarah terbabit," katanya sambil menambah butiran lanjut mengenai projek berkenaan akan dimaklumkan kelak.

Sehingga kini, sebanyak 49 produk dengan jenama Ikal Mayong sudah dihasilkan, termasuk edisi tahun lalu yang mendapat penyertaan luar negara.

### Buskstop angkat martabat pemuzik jalanan

Sementara itu, Ngai Yuen yang juga Presiden Kakiseni berkata, program Buskstop, iaitu per-



sembahan yang membabitkan pemuzik jalanan di negara ini, yang mula diperkenalkan pada tahun lalu, kini kembali semula.

Buskstop kali ini, selanjutnya, bermula pada 31 Februari sehingga 31 Mac depan di tiga pusat beli-belah utama di Kuala Lumpur.

"Seperti biasa, kali ini kita menampilkan tiga kurator muzik iaitu Reza Salleh, Fikri Fadzil dan Hameer Zawawi, yang bakal mengetahui lebih 45 pemuzik jalanan di negara ini untuk mengadakan persembahan di lokasi terpilih sepanjang program berlangsung," katanya.

Beliau berkata, program itu adalah kerjasama antara Kakiseni dengan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) yang bertujuan mengangkat martabat pemuzik jalanan di negara ini.

"Kita harap lebih ramai yang akan menyokong usaha ini kerana mereka (pemuzik jalanan) mempunyai kualiti dan minat mendalam mengenai muzik yang disampaikan dengan bersungguh-sungguh.

"Seperti tahun lalu, ada kumpulan yang berjaya mendapat kutipan token mencecah RM1,000 setiap kali mengadakan persembahan," katanya.

### Lebih selesa di belakang tabir

Ketika ditanya kepada empunya diri, yang sebelum ini aktif berlakon dan mengacara mengenai kini lebih selesa menjadi orang belakang tabir.

Bekas pengacara siri maiah remaja di TV3, 3R, satu ketika dulu ini berkata, beliau berpendapat lebih baik dirinya memberikan tajaan kepada bakat baharu untuk berada di depan kamera.

"Saya juga baru menghadiri sebuah perbiroangan untuk belakun filem baru-baru ini, namun sebaik saja hadir dan terbabit dalam sesi membaca skrip serta melihat pelakon lain, saya tidak rasa mampu melakukannya.

"Saya tolak dengan baik kerana berfikir diri ini sudah tidak sesuai," kata ibu dan isteri berusia 37 tahun ini.

Ikutan Pengarah JKKN, Datuk Norliza Rafli (tengah) dan Ngai Yuen pada Majlis Pelancaran Buskstop Musim Kedua, di Bukit Bintang.

(FOTO: KAMARULZAMAN ADIFFIN/BEI)



TENGGU MAHALEEL (kiri) akan umum penaja baru.

## BAM umum penaja baru ganti Yonex

Oleh Ferzalfie Fauzi

ferzalfie@hmetro.com.my

**HARIAN METRO**

**Kuala Lumpur:** Pemain dan jurulatih yang bernaung di bawah Persatuan Badminton Malaysia (BAM) boleh mengucapkan selamat tinggal buat barangan sukan jenama Yonex.

Kontrak barangan sukan dari Jepun itu akan berakhir hujung bulan ini dan satu pengumuman rasmi akan dibuat Presiden BAM, Tan Sri Tengku Mahaleel Tengku Ariff minggu depan.

Selepas lebih 10 tahun bekerjasama dan menjadi penaja utama kepada BAM, jenama sukan baru akan mengambil alih pe-

ranan berkenaan.

Menurut Setiausaha Kehormat BAM, Ng Chin Chai, kontrak BAM dan Yonex akan berakhir bulan ini namun segala komen lanjut mengenai jenama baru hanya akan dibuat minggu depan.

“Presiden (Tengku Mahaleel) akan maklumkan. Kami tidak boleh dedahkan jenama baru kerana tunggu kontrak tamat dengan Yonex,” katanya ketika dihubungi semalam.

Minggu lalu timbul desas-desus Victor (Taiwan) akan mengambil alih peranan itu seterusnya bakal memberi wajah baru buat badan induk berkenaan.





HARIAN METRO (M/S...)

## Kavee fokus lepasi had 2.10m

Oleh Saiful Affendy Sapran

saifulaffendy@hmetro.com.my

25 Feb 2015

**Kuala Lumpur:** Selepas reda dengan kontroversi pergaduhan bersama atlet lempar cakera Muhammad Irfan Shamsuddin, A Kavee kini berdepan satu lagi cabaran cuba untuk layak ke temasya Sukan SEA di Singapura.

Namun atlet lompat tinggi negara itu berdepan dengan situasi getir kerana hanya mempunyai satu peluang

untuk melakukannya, ketika beraksi di Terbuka Malaysia bermula 27 Mac.

"Selepas berusaha keras selama ini, saya harap dapat layak menerusi Terbuka Malaysia nanti sebab hanya itu satu-satunya peluang untuk ke Sukan SEA," katanya ketika dihubungi semalam.

Andai atlet kelahiran Negeri Sembilan itu layak sekalipun, dia bakal berdepan cabaran dari dua lagi atlet negara Nauraj Singh serta

Muhammad Ashraf Saipul Rahman yang lebih awal melayakkan diri ke temasya sukan dwi tahunan itu.

Ini kerana, Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) dijangka memilih hanya dua atlet terbaik untuk ke Singapura.

"Mahu tidak mahu saya perlu bersaing dengan mereka. Apapun saya tidak bera rasa tertekan dan akan cuba melayakkan diri terlebih dulu," katanya.

Kavee perlu mengatasi

ketinggian 2.10 meter iaitu syarat kelayakan minimum ke temasya Sukan SEA.

Pada Disember tahun lalu, Kavee serta Irfan mencetuskan kontroversi apabila dilaporkan bergaduh di Blok Casa 2, Asrama Majlis Sukan Negara (MSN).

Bagaimanapun, kedua-duanya bersetuju berdamai selepas campur tangan Ketua Pengarah MSN Datuk Ahmad Shapawi Ismail serta Presiden KOM Datuk Karim Ibrahim.

Belasah East Bengal 4-1 dalam aksi Piala AFC di Larkin malam tadi

# Johor DT mula langkah bergaya

25 Feb 2015  
Oleh SHAHRIL NIZAM ABDULLAH  
shah@shahnews.com.my

**SEPAKAN** akrobatik penyerang negara, Safee Sali meraghlasi persembahan bergaya skuad Johor Darul Takzim (Johor DT) apabila wakil negara itu memulakan kempen Kejohanan Piala Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) dengan menewaskan wakil dari India, East Bengal FC 4-1 pada aksi pertama Kumpulan F di Stadium Tan Sri Hassan Yunus, Larkin, Johor Bahru malam tadi.



Turun pada penampikan sulung dalam kempen kelab di Asia itu, skuad kendalian Bojan Hodak memburu kemenangan pertama dalam tiga perlawanan selepas tewas 0-1 kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan seri 1-1 dengan Selangor dalam saingan Liga Super, Sabtu lalu.

Setelah merombak hampir keseluruhan skuad yang seri dengan Selangor tempoh hari dengan merehatkan tiga pemain import, Luciano Figueroa, Jorge Pereyra Diaz dan Marcos Antonio, perancangan Hodak menurunkan Safee Sali buat kali pertama sebagai penyerang mereka membuahkan hasil apabila pemain itu menyumbang gol pertamanya buat Johor DT de-



CHANTURU (kanan) cuba melepasi dua pemain pertahanan East Bengal pada saingan Piala AFC malam tadi.

rentak yang dicari apabila melancarkan beberapa percubaan tepat ke atas pintu gol East Bengal FC menerusi percubaan Safee, Safiq dan Chanturu.

Johor DT akhirnya berjaya memperoleh gol pertama pada minit kesembilan apabila Nazrin Nawi menewaskan penjaga gol lawan, Abhijit Mondal menerusi sepakan percuma di luar kotak penalti selepas Chanturu dijatuhkan.

Namun, pasukan pelawat berjaya menyamakan kedudukan pada minit ke-35 selepas sepakan penyerang import, Nigeria, Soley Ranti Martins menerusi sepakan percuma tertampar kepada pemain Johor DT, sekali-



SAFEE (kiri) merayakan kejayaan Safiq menjaringkan gol kedua menerusi sepakan penalti ketika membantu Johor DT menewaskan East Bengal 4-1 dalam aksi Piala AFC di Stadium Tan Sri Hassan Yunus, Larkin, Johor Bahru malam tadi.

gus menewaskan penjaga gol Mohd. Izham Turmizi.

Begitupun kedudukan 1-1 itu tidak bertahan lama apabila Johor DT kembali di depan hasil sepakan penalti Safiq dua minit kemudian selepas bola terkena tangan pemain pertahanan East Bengal FC.

Namun, babak kedua mela menyaksikan Harimau Selatan bermula dengan garang dengan meledakkan gol ketiga menerusi Chanturu yang menerima hantaran cantik Jasazrin Jamaluddin setelah pemain itu bijak melepasi perangkap ofsaid pada minit ke-47.

Selepas itu tiba pula giliran penyerang negara, Safee untuk

menggamatkan stadium Larkin ini apabila menambah gol keempat Harimau Selatan dengan sepakan akrobatiknya selepas menerima hantaran lambung yang cantik daripada pemain ayyap, Nazrin.

Meskipun East Bengal FC cuba mengejar kedudukan dengan melancarkan serangan bertali arus ke arah pintu gol tuan rumah, namun keputusan itu terus kekal sehingga tamat permainan.

Selepas ini, Johor DT akan berkunjung ke Stadium Jalan Besar pada 10 Mac depan untuk menentang wakil Singapura, Balestier Khalsa bagi aksi kedua Kumpulan F.





# Riding into the sunset



Josiah (left) celebrates his Keirin silver medal with winner Azizulhasni at the Guangzhou Asian Games in 2010. — Picture by Getty

THE MALAY MAIL (M/S)...54

25 Feb 2015

**PETALING JAYA** — Josiah Ng ended his 15-year career with the Malaysian team with his head held high.

Although he failed to win a medal at the Track World Championships in France last week, he has much to be proud of.

When he first burst onto the scene, track cycling had suffered a drop in popularity following the retirement of Rosman Alwi.

But Josiah carried on Malaysia's proud tradition and called time on his career with gold medals in the Asian Championships (2012-2013 — Keirin, and sprint in 2013), Commonwealth Games (2010 — Keirin) and SEA Games 2007 — individual and team sprint).

He also has three silvers and one bronze from the Asian Games on top of nine World Cup medals.

He has competed in two Olympics (a

reserve in 2012) and was named 2004 Olympian and Sportsman of the Year.

"I'm satisfied with my career and although I failed to bow out with a medal from the World Championships, I leave behind a good legacy," said Josiah, who was born in Manila.

"There are many new riders who can take over and the future is very bright for Malaysia.

"I did my part. I'm satisfied and am ready for retirement."

The 35-year-old old has been touted as the team manager for the 2016 Olympics but did not want to talk about that just yet.

"It's been an honour representing Malaysia for 15 years. I savoured every last moment of my career," he said.

"I wish the riders all the best in their future undertakings."





ISU PKBM dengan John Beasley (kiri) perlu diselesaikan segera kerana jurulatih itu mempunyai banyak tugas penting bersama skuad kebangsaan dan akan pulang ke Australia tidak lama lagi.

UTUSAN MALAYSIA (M/S...)

# PKBM, Beasley bersemuka esok

25 Feb 2015

**KUALA LUMPUR** - Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM) berhasrat untuk bersemuka dengan jurulatih basikal trek negara, John Beasley esok bagi membincangkan isu dalaman yang berlaku antara kedua-dua pihak.

Presidennya, Datuk Abu Samah Abd. Wahab berkata, pihaknya akan menghadiri mesyuarat dengan Majlis Sukan Negara (MSN) yang berkemungkinan besar peluang tersebut akan digunakan oleh jurulatih itu untuk membincangkan kemelut yang berlaku termasuk isu tunggakan hutang PKBM sebanyak RM21,000 kepada Beasley.

"Kita dah putuskan dalam mesyuarat Exco baru-baru ini yang mana kami perlu mengadakan perbincangan dengan Beasley. Khamis ini (esok) kami akan bermesyuarat dengan MSN dan difahamkan Beasley turut terlibat dalam mesyuarat berkenaan.

"Bagaimanapun saya harap supaya perbincangan ini hanya akan melibatkan Beasley, MSN dan PKBM sahaja dalam satu perbin-

cangan tertutup. Saya juga akan meminta Ketua Pengarah MSN (Datuk Ahmad Shapawi Ismail) untuk menjadi pengerusi pada majlis itu nanti.

"Akan tetapi, semua itu bergantung kepada Ahmad Shapawi untuk mencari masa yang sesuai untuk melaksanakannya.

"Isu membabitkan hutang PKBM ini sebenarnya telah mencalarakan imej PKBM selaku badan induk sukan berbasikal negara dan saya mahu ia diselesaikan dengan kadar segera sebelum Beasley terbang pulang ke Australia," katanya ketika dihubungi semalam.

Sebelum ini, Beasley melahirkan rasa kesal terhadap PKBM, bermula dengan insiden kekecohan lapangan terbang Melbourne di mana skuad berbasikal negara hampir terlepas penerbangan untuk menyertai Kejohanan Berbasikal Asia (ACC) di Korat, Thailand baru-baru ini.

Ketegangan antara kedua-dua belah pihak berlarutan dengan timbulnya isu PKBM berhutang RM21,000 kepada Beasley.